WABAK ANJING GILA

# Aktif perintah kawalan

Oleh Muhammad
Yusri Muzamir
am@hmetro.com.my
Georgetown

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang mengaktifkan semula Perintah Kawasan Jangkitan Penyakit Anjing Gila menerusi Akta Binatang 1953 mulai Selasa lalu.

Pengarahnya, Dr Siti Salmiyah Tahir berkata, perintah itu berkuat kuasa serta-merta dan Pulau Pinang turut diisytihar sebagai kawasan jangkitan penyakit anjing gila mulai 15 September lalu.


ANJING yang terbiar berkeliaran boleh mengakibatkan jangkitan penyakit anjing gila ditangkap kuatkuasa.

Beliau berkata, mana-mana anjing yang didapati berada di kawasan jangkitan dan tidak dikawal secara efektif akan dimusnahkan.

"Sehubungan itu, pemilik anjing belaan perlu mematuhi beberapa garis panduan bagi memastikan jangkitan berkenaan dibendung dengan segera.

"Setiap anjing belaan berusia tiga bulan atau lebih perlu dibawa ke klinik veterinar berdekatan untuk suntikan vaksin serta ditanda bagi mengelak ditangkap pihak berkaitan.

"Pemilik perlu mengurung anjing di kawasan tertutup dan mengikatnya supaya ia tidak melepaskan diri.

"Pemilik perlu membawanya menggunakan tali ketika beriadah di kawasan lapang kerana pegawai veterinar akan menangkap anjing yang berkeliaran di luar kawasan perumahan atau persendirian," katanya pada sidang media, di sini, semalam.

> "Pemilik anjing belaan perlu mematuhi garis panduan bagi memastikan jangkitan berkenaan dibendung"
>
> *Siti Salmiyah*

Isnin lalu, seorang lelaki berusia 44 tahun di Pokok Sena, Tasek Gelugor, disahkan dijangkiti penyakit anjing gila manakala seorang kanak-kanak lelaki berusia 11 tahun di Kuala Sungai Pinang, Balik Pulau, turut disahkan dijangkiti penyakit sama, Selasa lalu.

Sementara itu, Pengarah Kesihatan negeri Datuk Dr Zailan Adnan menasihati orang ramai supaya terus mendapatkan rawatan segera sekiranya digigit anjing liar.

Selain itu, beliau berkata, penyakit itu mampu merebak menerusi air liur anjing yang melekat pada badan manusia.

"Simptom penyakit ini seperti demam dan sakit otot dapat dikenal pasti seawal seminggu hingga setahun selepas tempoh digigit anjing, selain kadar kematian akibat penyakit ini sangat tinggi," katanya.



Taiping

## Penularan di tiga negeri

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengesan penularan wabak anjing gila di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.

Menterinya, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, tiga negeri itu diisytihar kawasan jangkitan wabak anjing gila dengan pewartaan dilakukan bagi membolehkan usaha menghapus dan mencegah wabak itu dilaksanakan.

"Kita mewartakan perkara ini di Perlis pada 19 Ogos lalu manakala Kedah dan Pulau Pinang berkuat kuasa hari ini (semalam)," katanya selepas menyampaikan cek Skim Insurans Nelayan bernilai RM102,500 kepada waris mendiang Low Tze Kian, 23, yang lemas ketika menangkap ikan, tiga minggu lalu di Jalan Teluk Kertang, Matang, dekat sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Datuk Dr Quaza Nizammuddin Hassan Nizam.